

**Kuliah Maghrib Ustaz Wan Sohor Bani Leman – 17/11/2007**

- Buatlah sesuatu perkara itu dan tinggalkan sesuatu perkara itu kerana Allah. Bertaqwalah pada Allah dan hendaklah kita mati sebenar-benar kerana Islam;
- Akidah sama maknanya dengan iman. Ia juga mengandungi makna Islam, tauhid, kepercayaan kepada syariat dan undang-undang Allah.
- Akidah juga adalah akal dan pemikiran mengenali Allah taala, tanpa ada perasaan was-was atau syak wasangka dengan mengenali Allah. Ia juga akan mengikat hubungan dengan Allah dan menafikan hubungan yang lain iaitu “kufur”.
- Semua perkara-perkara yang asas atau perkara yang mutlak (perkara yang tidak berubah) dalam hidup kita ini semuanya telah ditentukan oleh Allah taala. Ia juga berkaitan dengan kepercayaan kepada syariat dan undang-undang Allah;
- Sebagai contoh perkara yang mutlak ialah seperti membina masjid – apabila mendirikan sebuah masjid itu ianya mestilah dibina menghadap kiblat, maka inilah yang dipanggil perkara mutlak, perkara yang tidak boleh diubah. Perkara yang boleh diubah ialah kita mengubah reka bentuknya saja yakni mengikut kesesuaian Islam.
- Biarlah dunia berubah, tetapi ugama jangan sekali kali diubah;
- Menerima hukum dan undang undang Allah adalah satu akidah. Perkara yang halal jangan dicampurkan dengan perkara yang haram;
- Islam mengajak kita hidup dalam lingkungan pahala dan menolak lingkungan dosa, buang saja perkara perkara yang bertentangan dengan hukum Allah;
- Biarlah dunia maju dan semoden mana sekalipun, undang-undang Islam tetap tidak boleh diubah maupun dipinda. Makanan yang haram tetap haram dan jangan sekali kita menghalalkannya;
- Perkara yang menyebabkan akidah umat Islam lemah pada zaman ini kerana:-
  1. Kita berfikiran selain dari pemikiran Islam itu sendiri;
  2. Nafsu telah melencong dari landasan landasan Islam;
  3. Kita lemah dan sekadar mengikut saja dan menurut saja. Kita sudah tidak ada pendirian. (Menyerah diri pada kezaliman adalah fasikh)
- Cara berpakaian bagi perempuan muslim adalah seperti berikut:-
  1. Tutup aurat - menampakkan muka dan tapak tangannya saja;
  2. Kain yang tebal – tidak menampakkan kulitnya;
  3. Pakaian perempuan – tidak memakai pakaian orang lelaki;
  4. Longgar – tidak ketat sehingga menampakkan susuk tubuhnya;
  5. Tidak menarik perhatian orang lain – tidak memakai warna yang terlalu menyerlah atau memakai pakaian yang penuh atau sarat dengan labuci hingga orang akan berpaling bila melihat sipemakai ini;

Catatan diambil mengikut kefahaman pencatat : Norhanizah Mohamad